

Perjanjian Pengenalan broker

1. Syarat dan tafsiran

1.1. **Pelanggan** ialah individu yang berdaftar di laman web Octa Markets Incorporated (kemudian daripada ini—'Syarikat').

1.2. **Pengenalan broker** (kemudian daripada ini—'IB') ialah Pelanggan yang permohonannya untuk status IB yang diserahkan melalui laman web Syarikat telah diluluskan oleh Syarikat.

1.3. **Pautan Rujukan** ialah pautan khas ke laman web Syarikat yang mengandungi pengecam IB yang unik. Pautan Rujukan ialah cara yang utama untuk menarik dan menjejaki Pelanggan daripada IB.

1.4. **ID** ialah nombor pengenalan unik IB.

1.5. **Komisen IB** ialah jumlah yang boleh dibayar oleh Syarikat kepada IB untuk operasi dagangan pelanggan mereka.

1.6. **Dompot** ialah akaun khas yang dikhususkan untuk transaksi dan penyelesaian wang, yang Komisen IB dikreditkan.

1.7. **Pelanggan Aktif** ialah profil Pelanggan di laman web Syarikat yang akaun dagangan dan Dompot menyimpan dana secara terkumpul sebanyak USD 100 atau lebih dan mempunyai sekurang-kurangnya lima Pesanan Sah yang ditutup dalam tempoh 30 hari yang lepas dari tarikh yang berkenaan.

1.8. **Pesanan Sah** ialah dagangan yang mematuhi semua syarat yang berikut:

1.8.1. dagangan berlangsung selama 180 saat atau lebih

1.8.2. perbezaan antara Harga Buka dan Harga Tutup pesanan sama dengan atau lebih daripada 30 mata (3 pip dalam ungkapan ketepatan 4 digit)

1.8.3. pesanan tidak dibuka atau ditutup dengan cara Penutupan Separa dan/atau Berbilang Penutupan.

1.9. **Pangkat IB** ialah status IB tertentu, bergantung pada nilai Komisen IB ditentukan. Jadual Pangkat IB adalah seperti yang berikut:

Pangkat IB	Pelanggan aktif Dari
1	1+
2	5+
3	15+
4	30+
5	60+ (Syarat peribadi)

2. Peruntukan am

2.1. Perjanjian Pengenalan Broker (kemudian daripada ini—'Perjanjian') menetapkan hubungan antara IB dan Syarikat (secara terkumpul—'Pihak,' secara tunggal—'Pihak'). Semua interaksi, hubungan dan kerjasama yang mungkin antara IB dan Syarikat akan dikawal oleh Perjanjian ini semata-mata.

2.2. Sekiranya berlaku sebarang keadaan yang tidak diterangkan dalam Perjanjian ini, Syarikat akan menyelesaikan perkara tersebut secara jujur dan adil, dan jika wajar, dengan mengambil tindakan yang selaras dengan amalan pasaran. IB bersetuju bahawa keputusan Syarikat adalah muktamad.

2.3. Perjanjian ini berkuat kuasa pada waktu permohonan IB diluluskan. Perjanjian ini dianggap sah, bertandatangan dan berfungsi selepas IB menerima kelulusan permohonan mereka.

2.4. Perjanjian ini tidak bermaksud pekerjaan. IB tidak dianggap sebagai wakil Syarikat dan Syarikat tidak bertanggungjawab terhadap tindakan IB (atau kegagalan untuk bertindak).

3. Hak dan kewajipan IB

3.1. IB berhak melakukan perkara yang berikut:

3.1.1. mempromosikan perkhidmatan, laman web, promosi, tawaran istimewa Syarikat dan maklumat berkaitan Syarikat yang lain

3.1.2. melaksanakan sebarang tindakan yang serasi dengan perundangan dan etika perniagaan yang berkenaan untuk menarik perhatian pelanggan

3.1.3. membuka profil untuk Pelanggan dengan menggunakan Pautan Rujukan

3.1.4. menerima Komisen IB untuk dagangan Pelanggan

3.1.5. melaksanakan pindahan dalaman daripada akaun dagangan atau Dompot mereka ke akaun Pelanggan

3.1.6. memberikan Pelanggan maklumat, pengumuman berita, kemas kini Syarikat atau maklumat berkaitan Syarikat yang lain.

3.2. IB melaksanakan perkara yang berikut

3.2.1. melaksanakan aktiviti mereka dengan cara yang mematuhi sepenuhnya perundangan tempatan dan antarabangsa yang berkenaan

3.2.2. memaklumkan Syarikat dengan segera tentang sebarang gangguan terhadap aktiviti mereka

3.2.3. menggunakan usaha yang maksimum untuk mendapatkan Pelanggan bagi Syarikat

3.2.4. mengekalkan kerahsiaan berkenaan sebarang maklumat yang melibatkan Syarikat secara nyata atau tersirat dan boleh didapati oleh IB

3.2.5. memberitahu Syarikat tentang semua fakta atau keadaan yang mungkin menyebabkan sebarang kemungkinan risiko kepada Syarikat sekiranya IB menyedari mengenainya

3.2.6. memberitahu Pelanggan tentang risiko dagangan Forex sebelum membuka akaun sebenar

3.2.7. memaklumkan setiap bakal Pelanggan tentang status IB dan keistimewaan mereka sebelum memasuki sebarang perjanjian perhubungan

3.2.8. memberitahu Syarikat dengan segera tentang sebarang perubahan dalam maklumat hubungan IB.

4. Kewajipan Syarikat

4.1. Syarikat melaksanakan perkara yang berikut:

4.1.1. memberi IB semua bantuan yang sewajarnya untuk memenuhi kewajipan yang ditetapkan dalam Perjanjian ini

4.1.2. membayar Komisen IB di bawah syarat Perjanjian.

4.1.3. menyediakan sepenuhnya perkhidmatan Syarikat, seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Pelanggan kepada Pelanggan yang ditarik oleh IB.

4.1.4. menyediakan pelaksanaan untuk pesanan Pelanggan IB dan pengiraan yang berpadanan bagi Komisen IB yang perlu dibayar. Namun begitu, Syarikat tidak menyediakan penyata bagi transaksi Pelanggan.

5. Sekatan IB

5.1. IB dilarang melakukan perkara yang berikut:

5.1.1. menggunakan sebarang cara pengiklanan yang mengelirukan atau penipuan untuk mempromosikan perkhidmatan Syarikat. Antaranya yang berikut (tetapi tidak terhad kepada perkara yang berikut):

- 5.1.1.1. APS (Sistem Promosi Aktif)
- 5.1.1.2. pengiklanan di laman web yang tidak senonoh (termasuk pornografi)
- 5.1.1.3. pengiklanan di laman web yang tidak mematuhi perundangan negara IB
- 5.1.1.4. spam dan spamdexing
- 5.1.1.5. pengiklanan yang mengandungi penerangan perkhidmatan yang mengelirukan atau diputarbelitkan, atau kegagalan untuk menerangkan risiko dan perkhidmatan kepada pelanggan
- 5.1.1.6. mana-mana aktiviti lain yang mungkin memudaratkan imej positif Syarikat
- 5.1.1.7. mana-mana cara pengiklanan menipu yang lain.

5.1.2. mendaftarkan dan/atau menggunakan domain yang mengandungi nama atau jenama Syarikat atau objek harta intelektual yang lain

5.1.3. menggabungkan dan/atau menggunakan entiti sah yang mengandungi nama atau jenama Syarikat atau objek harta intelektual yang lain

5.1.4. bertindak sebagai wakil Syarikat

5.1.5. menggunakan URL langsung Syarikat dalam mana-mana sistem PPC (Google, Yahoo!, Live atau yang serupa) dan juga pautan rujukan mereka. Menghalakan atau mana-mana cara lain untuk menarik pelanggan secara paksa (penipuan) ke laman web Syarikat juga dilarang

5.1.6. mengambil sebarang tanggungjawab bagi pihak Syarikat atau meletakkan Syarikat di bawah sebarang tanggungjawab

5.1.7. membuka akaun sebenar atau demo atau mendaftar dalam perkhidmatan Syarikat bagi pihak Pelanggan, serta menyimpan atau mendedahkan kelayakan akses Pelanggan atau apa-apa maklumat peribadi Pelanggan

5.1.8. memberikan sebarang nasihat kepada Pelanggan berkenaan strategi dagangan atau dengan apa-apa cara yang lain, mempengaruhi keputusan Pelanggan. Syarikat tidak bertanggungjawab terhadap akibat daripada nasihat tersebut

5.1.9. menerbitkan atau mengambil bahagian, atau bekerjasama dalam penerbitan sebarang bahan di media masa; mengeluarkan sebarang surat berita, atau membantu dalam pengeluaran atau penghasilan sebarang kandungan dalam akhbar, majalah atau media masa yang lain, blog, forum Internet, rangkaian sosial, atau yang serupa, yang boleh memudaratkan secara nyata atau tersirat imej Syarikat

5.1.10. melaksanakan sebarang komitmen dengan nama Syarikat, atau mengikat Syarikat dengan sebarang komitmen

5.1.11. memberikan sebarang jaminan dan/atau janji, serta membuat sebarang kenyataan berkenaan sebarang bayaran atau perjanjian yang ditetapkan oleh Syarikat.

5.2. Jika pelanggaran IB terhadap Perjanjian ini (termasuk tindakan atau kenyataan yang tidak dibenarkan yang dibuat oleh IB) memerlukan tindakan undang-undang difailkan terhadap Syarikat, IB akan bertanggungjawab terhadap semua kerugian yang ditanggung oleh Syarikat. Kerugian akan difahami sebagai perbelanjaan yang Syarikat tanggung atau akan tanggung untuk memulihkan hak dan kepentingannya (kerugian sebenar), serta hasil yang Syarikat akan dapat di bawah keadaan perniagaan biasa (kerugian untung), kerosakan kepentingan harta atau reputasi Syarikat yang disebabkan oleh kegagalan IB untuk memenuhi kewajibannya. IB tidak berhak untuk mempertikaikan jumlah tuntutan Syarikat untuk kerosakan.

5.3. Jika IB melanggar terma dan syarat Perjanjian ini (sepenuhnya atau sebahagiannya), Syarikat berhak untuk menyekat akaun dagangan dan Dompot IB, serta mengecualikan Pelanggan daripada senarai Pelanggan IB sehingga IB memberikan pampasan yang ditanggung oleh Syarikat akibat pelanggaran Perjanjian. Syarikat berhak menanggung kerugian yang disebabkan oleh IB dengan wang yang boleh dibayar kepada IB di bawah Perjanjian IB dan juga di bawah Perjanjian Pelanggan dan peraturan yang berpadanan.

5.4. IB, saudara-maranya, atau mana-mana pihak lain yang mempunyai hubungan tidak boleh bertindak sebagai Pelanggan IB. Sekiranya mana-mana data IB sepadan dengan data mana-mana Pelanggan (seperti butiran pasport, alamat, tarikh lahir, nombor telefon, alamat e-mel, alamat IP atau yang serupa), log masuk Pelanggan akan dikeluarkan daripada senarai Pelanggan IB, dan bayaran Komisen IB berdasarkan pada prestasi Pelanggan ini tidak akan dibayar. Profil pengguna

yang berkongsi alamat IP yang sama boleh dianggap sebagai satu profil yang aktif. Sekiranya alamat IP Pelanggan sama dengan alamat IP IB, mereka boleh dianggap sebagai mempunyai hubungan dan bayaran Komisen IB bagi prestasi profil Pelanggan tersebut tidak akan dibayar. Tingkah laku tersebut akan dianggap sebagai 'Aktiviti autorujukan',

6. Hak syarikat

6.1. Syarikat berhak melakukan perkara yang berikut:

6.1.1. melaksanakan kawalan terhadap aktiviti IB di bawah peruntukan Perjanjian ini

6.1.2. meminta laporan terperinci daripada IB mengenai penunaian IB terhadap peruntukan Perjanjian ini

6.1.3. membatalkan Perjanjian jika IB gagal menarik lima Pelanggan Aktif dalam tempoh 90 hari **sejak pendaftaran**

6.1.4. membatalkan Perjanjian jika deposit terkumpul Pelanggan IB lebih rendah daripada USD 500 dalam tempoh tiga bulan

6.1.5. mengecualikan Pelanggan daripada senarai rujukan (Pelanggan) IB

6.1.6. secara unilateral mengubah suai syarat Komisen dan bayaran IB. Pengubahsuaian tersebut adalah tertakluk pada pemberitahuan bertulis lebih awal

6.1.7. memaklumkan Pelanggan yang didaftarkan di bawah IB bahawa IB menerima Komisen IB untuk dagangan mereka (tanpa mendedahkan butiran IB seperti apa-apa maklumat peribadi dan/atau maklumat yang berkaitan dengan jumlah Komisen IB yang diperoleh/dibayar)

5.5. Jika Pelanggan memfailkan apa-apa aduan terhadap aktiviti IB, IB akan menangani secara bebas semua aduan tersebut dan akan melindungi dan melepaskan Syarikat daripada sebarang dan semua tuntutan, kecederaan, kerosakan, kerugian atau tindakan guaman termasuk bayaran peguam yang ditanggung berhubung dengan aduan tersebut.

6.1.8. membatalkan Perjanjian jika IB gagal memenuhi peruntukannya.

6.2. Jika IB menggunakan kaedah penipuan untuk mendapatkan Pelanggan, Syarikat berhak **menjadikan Perjanjian tidak sah** dan membatalkan (sebahagian atau sepenuhnya) Komisen IB. Semua Pelanggan IB, dalam kes ini, akan menjadi Pelanggan langsung Syarikat.

6.3. Jika jumlah Komisen IB daripada seorang Pelanggan tunggal melebihi 30% daripada jumlah komisen IB, Syarikat berhak membatalkan Komisen IB tersebut.

6.4. Jika hasil Syarikat yang diterima daripada perdagangan Pelanggan IB menjadi kurang atau sama dengan komisen yang Syarikat bayar kepada IB, Syarikat berhak menurunkan Komisen IB.

7. Had tanggungan

7.1. Dalam keadaan apa pun, Syarikat tidak akan bertanggungjawab dan tidak menanggung sebarang tanggungjawab **terhadap tindakan IB**, kegagalan bertindak, atau **apa-apa akibatnya**.

8. Pampasan IB

8.1. Syarikat membayar Komisen IB untuk dagangan Pelanggan, dengan syarat Pelanggan ditarik oleh IB.

8.2. Komisen IB akan dibayar sekali setiap 24 jam untuk setiap dagangan Pelanggan dengan batasan yang berkenaan seperti yang dijelaskan lebih lanjut dalam Perjanjian ini.

8.3. Komisen IB ditentukan oleh Pangkat IB dan jenis akaun dagangan Pelanggan yang digunakan untuk mendagangkan jumlah yang berkaitan.

8.3.1. Jumlah Komisen IB yang akaun Pelanggan **MetaTrader 4 Micro** dan **cTrader ECN** digunakan:

Pangkat IB	Pelanggan aktif Dari	USD untuk setiap lot dibayar kepada IB
1	1+	1 USD
2	5+	3 USD
3	15+	6 USD
4	30+	9 USD
5	60+ (Syarat peribadi)	12 USD

8.3.2. Jumlah Komisen IB yang akaun Pelanggan **MetaTrader 5 Pro** digunakan:

Pangkat IB	Pelanggan aktif Dari	USD untuk setiap lot dibayar kepada IB
1	1+	0.5 USD
2	5+	1.5 USD
3	15+	3 USD
4	30+	4.5 USD
5	60+ (Syarat peribadi)	6 USD

8.4. Komisen IB akan dibayar ke Dompot IB di laman web Syarikat sahaja. IB tidak boleh menuntut untuk menerima apa-apa jenis pampasan lain.

8.5. Komisen IB akan dibayar ke dalam Dompot IB dalam dolar AS sahaja, tanpa mengambil kira mata wang akaun yang digunakan oleh Pelanggan IB. Sekiranya dagangan Pelanggan IB pada akaun yang pilihan Kadar Tetap digunakan, Komisen IB tersebut juga dibayar selaras dengan kadar tetap yang digunakan.

8.6. Jika IB mengenakan Komisen IB dan komisen salin dagangan Tetap bagi Setiap Satu Lot kepada Pelanggan yang dirujuk dan jumlah terkumpulnya melebihi USD 15, Komisen IB akan berjumlah **USD 15 ditolak dengan komisen salin dagangan (Komisen IB = USD 15 - komisen salin dagangan Tetap bagi Setiap Satu Lot).**

8.7. Kedudukan IB akan dikira dan dikemas kini setiap 24 jam secara serentak dengan bayaran Komisen IB.

8.8. IB mengakui bahawa perubahan Kedudukan IB (iaitu pertambahan bilangan Pelanggan aktif) digunakan pada masa bayaran Komisen IB. Tuntutan 'kehilangan untung' tidak akan diterima.

8.9. Pesanan Pelanggan yang berikut **tidak akan** layak sebagai sah dan **tidak akan dibayar**:

8.9.1. dagangan yang berlangsung kurang daripada 180 saat

8.9.2. apabila perbezaan antara Harga Buka dan Harga Tutup dagangan kurang daripada 30 mata (3 pip dalam ungkapan ketepatan 4 digit)

8.9.3. dagangan dibuka atau ditutup dengan cara Penutupan Separa dan/atau Berbilang Penutupan.

9. Force Majeure

9.1. Pihak yang terlibat tidak boleh dipertanggungjawabkan atas kegagalan atau kegagalan separa untuk memenuhi kewajibannya jika kegagalan ini berlaku akibat peristiwa atau keadaan force majeure (termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi atau bencana alam, perang atau operasi ketenteraan yang lain, pengepungan, perbuatan Tuhan, peraturan kerajaan, dan lain-lain keadaan yang luar biasa dan tidak dapat dielakkan di luar kawalan Pihak yang terlibat).

9.2. Pihak yang menjadi tidak mampu untuk memenuhi tanggungjawab berjanji untuk memaklumkan Pihak yang satu lagi melalui pemberitahuan bertulis tentang bermulanya, tempoh yang dianggarkan, dan berakhirnya keadaan yang disebutkan di atas dalam tempoh lima hari perniagaan dari waktu bermula dan berakhirnya.

9.3. Fakta yang diterangkan dalam pemberitahuan mestilah disahkan oleh pihak berkuasa atau organisasi yang kompeten dari negara masing-masing. Kelewatan atau ketiadaan pemberitahuan oleh Pihak

yang berkenaan akan melucutkan hak Pihak yang tersebut untuk menyebut mana-mana keadaan yang dinyatakan di atas sebagai asas untuk dilepaskan tanggungjawab atas kegagalan memenuhi kewajipan.

9.4. Sekiranya ketidakupayaan untuk memenuhi kewajipan secara sepenuhnya atau sebahagiannya berlarutan lebih daripada tiga bulan, Perjanjian akan ditamatkan secara automatik.

10. Penerimaan

10.1. Setelah menerima Perjanjian ini, IB mengesahkan perkara yang berikut:

10.1.2. IB memahami dan bersetuju sepenuhnya dengan semua terma dan syarat yang ditetapkan oleh Perjanjian ini

10.1.1. IB sudah memahami terma dan syarat Perjanjian ini

10.1.3. tiada keadaan yang mungkin menghalang penerimaan Perjanjian ini.

11. Pelbagai

11.1. Pemberitahuan bertulis dalam Perjanjian menandakan salah satu cara komunikasi yang berikut:

11.7. Penyelesaian Pertikaian. Apa-apa pertikaian, kontroversi atau tuntutan yang berlaku di bawah, daripada atau berkaitan dengan Perjanjian ini dan mana-mana pindaan Perjanjian ini yang selanjutnya, termasuk, tanpa batasan, pembentukannya, kesahan, kesan yang mengikat, tafsiran, prestasi, pelanggaran atau penamatan, dan juga tuntutan bukan kontraktual, akan diselesaikan oleh Pihak-pihak dengan cara rundingan. Jika Pihak-pihak tidak dapat mencapai persetujuan dalam tempoh dua minggu kalendar selepas permulaan rundingan oleh satu Pihak, mana-mana Pihak boleh menyerahkan tuntutan untuk penyelesaian akhir kepada mahkamah tempatan di St. Vincent dan the Grenadines.

11.1.1. e-mel

11.1.2. halaman Berita Syarikat di laman web Syarikat.

11.2. IB bersetuju bahawa Syarikat boleh menggunakan maklumat hubungan IB, seperti alamat, e-mel, dan maklumat peribadi lain untuk menghantar surat berita IB, e-mel, dan cadangan.

11.3. Sebarang surat-menyurat (dokumen, pengumuman, pemberitahuan, pengesahan, pernyataan, atau yang serupa) hendaklah dianggap diterima oleh IB:

11.8. Undang-undang yang mengawal. Perjanjian ini dan mana-mana pertikaian, kontroversi, prosiding atau tuntutan bagi apa-apa keadaan yang timbul daripada atau dalam apa-apa cara berkaitan dengan Perjanjian ini atau pembentukannya (termasuk mana-mana pertikaian atau tuntutan bukan kontraktual) akan dikawal oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang di St. Vincent dan the Grenadines.

11.3.1. satu jam selepas dihantar melalui e-mel

11.3.2. satu jam selepas pengumuman itu disiarkan di halaman Berita Syarikat di laman web Syarikat.

11.4. IB secara tanpa bersyarat dan dalam semua keadaan, tanpa pengecualian, bertindak semata-mata untuk dirinya sendiri. Mengendalikan sebarang perniagaan di bawah nama Syarikat adalah melanggar Perjanjian dan akan menyebabkan penamatan Perjanjian dengan serta-merta dan pembatalan mana-mana Komisen IB atau bayaran lain yang boleh dibayar kepada IB.

11.9. Tiada Penepian. Penepian atau kegagalan mana-mana Pihak untuk melaksanakan mana-mana hak yang disediakan dalam Perjanjian ini tidak akan dianggap sebagai penepian bagi mana-mana hak atau remedi yang layak diterima oleh Pihak tersebut.

11.5. Jika pembaca di sini tidak bersetuju untuk terikat dengan syarat-syarat Perjanjian ini, jangan gunakan, atau mencuba, atau mengakses mana-mana perkhidmatan Syarikat.

11.10. Kebolehasingan. Jika mana-mana peruntukan dalam Perjanjian ini tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak dapat dikuatkuasakan, bahagian selebihnya dalam Perjanjian ini akan tetap berkuat kuasa dan berkesan.

11.6. Perjanjian ini telah ditulis dalam bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan antara versi bahasa Inggeris Perjanjian ini dan mana-mana terjemahan, versi bahasa Inggeris akan digunakan.